

Arahan : Soalan **satu** mesti dijawab.Pilih empat lagi soalan bagi soalan-soalan lain.Semuanya **lima** soalan mesti dijawab.

- 1 (a) (i) Nyatakan maksud Rububiyah [2 markah]
(ii) Nyatakan maksud Uluhiyyah [2 markah]
- (b) (i) Jelaskan tiga perbezaan antara orang beragama dengan tidak beragama [6 markah]
(ii) Jelaskan dua peranan agama dalam membina tamadun [4 markah]
- (c) “Rasulullah SAW merupakan utusan Allah SWT yang diutuskan untuk membimbing umat manusia”.
Terangkan **dua** perbezaan antara rasul dan nabi [4 markah]
- (d) Rasul Ulul Azmi ialah mereka yang memiliki kesabaran yang amat tinggi dalam menghadapi tentangan ketika berdakwah.
Nabi Muhammad saw,Nabi Ibrahim a.s dan Nabi Isa a.s. adalah antara lima orang Rasul yang bergelar rasul Ulul Azmi.
Sebutkan dua lagi Rasul yang mendapat gelaran tersebut [2 markah]

Alam ialah makhluk yang dicipta oleh Allah SWT

- 2 (a) (i) Nyatakan maksud alam [2markah]
(ii) Alam terbahagi kepada dua bahagian iaitu alam musyahadah dan alam Ghaib.
Jelaskan maksud keduanya [4 markah]
(ii) Terangkan **tiga** perbezaan kedua-dua jenis alam ini. [6 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** hikmah beriman dengan perkara ghaib. [4 markah]
- (c) (i) Jelaskan **dua** faedah memelihara alam. [4 markah]

3. Menurut Dr. Abdul Kareem Zaidan, sifat ketuhanan merujuk kepada semua peraturan hidup yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t. yang merupakan Pencipta, dan penguasa alam ini..
- (a) (i) Nyatakan maksud Rabbaniyyah [2 markah]
(ii) Sebutkan **tiga** prinsip Rabbaniyyah [6 markah]
(iii) Anda berhasrat untuk memperolehi sifat Rabbaniyyah dalam kehidupan. Nyatakan **dua** cara yang boleh anda lakukan bagi memiliki sifat ini [4 markah]
- (b) (i) Antara pandangan hidup Islam ialah Waqi'iyah
Nyatakan maksud Waqi'iyah [2 markah]
- (c) (i) Sebutkan **tiga** prinsip Waqi'iyah [6 markah]
4. (a) (i) Nyatakan maksud harta [2 markah]
(b) (i) Jelaskan **tiga** hikmah membelanjakan harta [6 markah]
(ii) Nyatakan **dua** kepentingan harta terhadap pembangunan Negara. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** peraturan dalam pemilikan harta [4 markah]
(ii) Sebutkan **dua** sebab manusia diberikan kebebasan untuk memiliki harta [4 markah]
5. Sistem muamalah Islam telah menyediakan berbagai-bagai cara bermuamalah kepada manusia bagi memenuhi keperluan hidup, antaranya al-Mudharabah, al-Murabahah, al-Wadi'ah al-Musyarakah, ar-Rahn, al-Ijarah, al-Bai' bithaman ajil dan al-Takaful.
- (a) (i) Nyatakan maksud al-Mudharabah dan al-Takaful. [4 markah]
(ii) Sebutkan **tiga** langkah bermuamalah secara Islam [6 markah]
- (b) (i) Jelaskan **tiga** perbezaan antara perundangan Islam dengan perundangan ciptaan manusia. [6 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** faedah mengamalkan perundangan Islam kepada masyarakat [4 markah]
6. Ibadat dalam Islam merangkumi semua perbuatan yang dilakukan oleh manusia mengikut garis panduan yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t.
- (a) (i) Sebutkan **dua** tujuan ibadat [4 markah]
(ii) Nyatakan **tiga** kesan buruk kepada manusia apabila melakukan ibadat tanpa syariat [6 markah]
- (b) (i) Hukuman hudud bermaksud kesalahan dan hukuman yang ditetapkan oleh syarak serta wajib dilaksanakan sebagai menunaikan hak Allah s.w.t. Nyatakan hukuman yang dikenakan ke atas Penzina [4 markah]
(ii) Senaraikan **tiga** kepentingan hukuman hudud [6 markah]

7. Perpaduan ummah dalam Islam dibina meliputi semua manusia tanpa mengira keturunan, warna kulit, bahasa atau pangkat.
- (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan perpaduan ummah [2 *markah*]
(ii) Dalam menyelesaikan masalah perpaduan ummah terdapat pelbagai kaedah yang sesuai digunakan samada melalui akidah, syariat dan akhlak. Sebutkan cara anda menyelesaikan masalah perpaduan ummah dari segi akhlak. [4 *markah*]
(iii) Nyatakan **dua** kesan yang akan diperolehi hasil dari cara penyelesaian anda di atas [4 *markah*]
- (b) (i) Nyatakan maksud kesaksamaan sosial [2 *markah*]
(ii) Jelaskan **dua** langkah melalui syariat bagi mengatasi isu kesaksamaan sosial. [4 *markah*]
(iii) Bincangkan **dua** cara mewujudkan kesaksamaan sosial [4 *markah*]

SOALAN TAMAT